

**PENGARUH AMALAN BEKERJA DARI RUMAH
TERHADAP PRODUKTIVITI PENSYARAH
DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

IFNIATUL SAIMAH BINTI IMANSAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2021



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGARUH AMALAN BEKERJA DARI RUMAH
TERHADAP PRODUKTIVITI PENSYARAH
DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

IFNIATUL SAIMAH BINTI IMANSAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

NAMA : IFNIATUL SAIMAH BINTI IMANSAH

NO MATRIK : BA18110624

TAJUK : PENGARUH AMALAN BEKERJA DARI RUMAH TERHADAP PRODUKTIVITI

PENSYARAH DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

IJAZAH : SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (HUBUNGAN INDUSTRI)

DISAHKAN OLEH,

PROF MADYA DR DZURIZAH BINTI IBRAHIM

(Nama Penyelia)

(Tandatangan)



PENGAKUAN PELAJAR

Saya yang bernama Ifniatul Saimah Binti Imasah mengakui bahawa Tesis Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian Hubungan Industri yang bertajuk "Pengaruh Amalan Bekerja dari Rumah Terhadap Produktiviti Pensyarah di Universiti Malaysia Sabah" adalah atas usaha saya sendiri kecuali nukilan-nukilan ringkas dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya

(IFNIATUL SAIMAH BINTI IMANSAH)

BA18110624

PROGRAM HUBUNGAN INDUSTRI



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah dan berkat-Nya atas penyelesaian tesis ini. Sejujurnya saya mengalami banyak cabaran sepanjang poses menyiapkan tesis ini, bukan itu sahaja dari aspek akademik tetapi juga dari aspek keperibadian. Dengan itu, saya amat bersyukur kepada Tuhan atas semua peluang, ujian dan kekuatan yang diberikan kepada saya untuk menyelesaikan penulisan ilmiah ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Prof Madya Dr Dzurizah Binti Ibrahim atas bimbingan, pemahaman, kesabaran, dan yang paling penting, dorongan positif serta semangat untuk menyelesaikan penulisan ilmiah ini. Ianya adalah satu keseronokan dan kehormatan untuk menjadikannya sebagai penyelia saya. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada Ketua Program HA12 dan semua pensyarah HA12 yang banyak membantu dan memberikan ilmu berkaitan dengan penulisan tesis ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih saya tujukan juga kepada semua ahli keluarga saya kerana tesis ini tidak mungkin akan selesai tanpa sokongan daripada mereka, Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ayah tersayang Imansah bin Suleman, ibu

tercinta Masniah binti Nusu, dan adik beradik saya yang sentiasa memberikan sokongan dan kata-kata semangat sepanjang saya menyiapkan penulisan ini. Terdapat banyak cabaran yang perlu dilalui namun mereka sangat memahami saya.

Semoga Tuhan limpahkan kejayaan dan penghormatan dalam setiap individu yang saya sebutkan di atas.

IFNIATUL SAIMAH BINTI IMANSAH



ABSTRAK

Bekerja dari rumah bukanlah sesuatu perkara yang asing lagi dalam dunia pekerjaan. Pandemik Covid-19 ini telah menjadikan bekerja dari rumah salah satu kewajipan yang perlu dipatuhi untuk mengekang penularan Covid-19. Salah satu profesion yang terpaksa berhadapan dengan bekerja dari rumah ialah pensyarah. Bekerja dari rumah membuatkan pensyarah akan berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti memastikan produktiviti mereka tidak terjejas dengan amalan-amalan bekerja dari rumah. Kajian ini telah dijalankan dalam kalangan pensyarah di Universiti Malaysia Sabah. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sejauhmana amalan bekerja dari rumah dapat mempengaruhi tahap produktiviti pensyarah ketika pandemik Covid-19 ini. Hasil kajian yang dijalankan mendapati amalan bekerja dari rumah iaitu penggunaan teknologi mempunyai hubungan signifikan atau hubungan yang positif terhadap tahap produktiviti pensyarah. Penyelidik turut mencadangkan bahawa agar organisasi sentiasa perlu menitikberatkan mengenai produktiviti pekerja mereka agar dapat menghasilkan kerja yang berkualiti.

Kata Kunci: Amalan bekerja dari rumah, produktiviti, penggunaan Teknologi,
Pensyarah Universiti Malaysia Sabah

ABSTRACT

Working from home is no longer a foreign thing in the world of work. This Covid-19 Pandemic has made working from home one of the obligations that must be adhered to curb the transmission of Covid-19. One of the professions that has to deal with working from home is lecturing. Working from home makes lecturers will face various challenges such as ensuring their productivity is not affected by the practices of working from home. This study was conducted among lecturers at University Malaysia Sabah. The main purpose of this study was to examine the extent to which the practice of working from home can affect the level of productivity of lecturers during this Covid-19 Pandemic. The result from this study found that the practice of working from home that is the use of technology has a significant relationship or a positive relationship with the level of productivity of lecturers. Researchers also suggest that organization should always focus on the productivity of their employees in order to produce quality work.

Keywords: Work from home, Productivity, Use of Technology, University Malaysia Sabah Lecturer



SENARAI ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN PENYELIA

PENGAKUAN PELAJAR

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI LAMPIRAN

BAB 1 PENGENALAN

MUKA SURAT

1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Permasalahan Kajian	2
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Definisi Terma	8
1.6.1 Amalan Bekerja Dari Rumah	8
1.6.2 Produktiviti	9
1.7 Susunan Tesis	11



BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	12
2.1 Definisi Konsep	
2.2.1 Konsep Bekerja dari Rumah	13
2.1.2 Konsep Produktiviti	16
2.3 Sejarah Bekerja dari Rumah	20
2.4 Produktiviti Pekerja Ketika BdR	22
2.5 Pengaruh Teknologi Terhadap Produktiviti Pekerja Ketika BdR	28
2.6 Teori dan Kerangka Konseptual/Model	34
2.6.1 Kerangka Rajah Konseptual	35
2.7 Kesimpulan	37
2.5.1 Model Kajian	

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan	38
3.1 Pendekatan Kualitatif	38
3.1.1 Sumber Data Primer	39
3.1.2 Sumber Data Sekunder	39
3.2 Soal Selidik	40
3.3 Persampelan Kajian	40
3.4 Instrumen Kajian	41
3.5 Penganalisan Data	42
3.6 Kerangka Kajian	42
3.6.1 Kerangka Kajian Berdasarkan Kajian Lepas	43
3.7 Hipotesis	45
3.8 Kesimpulan	45

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	46
4.1 Taburan Demografi Responden	47
4.2 Ujian Kebolehpercayaan	49
4.3 Ujian Normaliti	51
4.4 Analisis Deskriptif	52
4.5 Analisis Korelasi	56
4.6 Ringkasan Keputusan Ujian	57
4.7 Perbincangan Dapatan Kajian dan Kajian Lepas/ Teori	
4.7.1 Tahap Prouktiviti dalam Kalangan Pensyarah yang Bekerja dari Rumah	58
4.7.2 Hubungan antara Amalan Bekerja dari Rumah dengan Penggunaan Teknologi dan Tahap Produktiviti Pensyarah	61
4.8 Kesimpulan	

64

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	65
5.1 Ringkasan Kajian	65
5.2 Implikasi Teori dan Praktikal	67
5.4 Batasan Penyelidikan	68
5.5 Cadangan	69
5.6 Kesimpulan	70
Rujukan	72
Lampiran 1 : Borang Soal Selidik	81
Lampiran 2 : Ujian Turn It In	86



SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Muka Surat
4.1.	Taburan Demografi Responden	47
4.2 (i)	Ujian Kebolehpercayaan	49
4.2 (ii)	Ujian Kebolehpercayaan	50
4.3	Ujian Normaliti	51
4.4 (i)	Analisis Deskriptif	52
4.4 (ii)	Analisis Deskriptif	52
4.5	Analisis Korelasi	56
4.6	Ringkasan Keputusan Ujian	57

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 1	Susunan Tesis	11
Rajah 2	Kerangka Kajian Konseptual	35
Rajah 3	Kerangka Kajian Konseptual	44



BAB 1

Pengenalan

1.0 Latar Belakang Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana amalan bekerja dari rumah mempengaruhi produktiviti pensyarah di Universiti Malaysia ketika pandemik Covid-19 ini berlaku. Kita mengetahui bahawa pandemik Covid-19 ini telah memberikan banyak kesan kepada persekitaran manusia. Salah satu kehidupan norma baharu yang berlaku pada masa kini ialah amalan bekerja dari rumah (BdR) atau Work From Home (WFH) yang semakin lama semakin giat dilakukan. Bekerja dari rumah pada masa kini banyak dikaitkan mengenai produktiviti pekerja. Bekerja dari rumah atau *Work From Home* merupakan suatu konsep iaitu dimana pekerja dapat melakukan pekerjaan mereka dari rumah sahaja. Bekerja dari rumah sebenarnya memberikan banyak kelebihan iaitu dimana mereka memperolehi waktu bekerja yang fleksibel.

Apabila seseorang pekerja bekerja dari rumah, ia sebenarnya membawa banyak pengaruh iaitu sama ada pengaruh positif dan juga negatif. Salah satu kesan yang dapat dilihat apabila kehidupan norma dalam dunia pekerjaan ini di laksanakan iaitu produktiviti pekerja. Produktiviti pekerja merupakan penilaian kecekapan pekerja atau sekumpulan pekerja dalam sesebuah organisasi. Produktiviti ini dapat dinilai melalui output pekerja dalam masa yang tertentu. Secara umumnya, produktiviti seseorang pekerja tertentu akan dinilai berbanding dengan purata bagi pekerja yang melakukan pekerjaan yang serupa ataupun sama. Hal ini demikian kerana, produktiviti pekerja merupakan perkara

utama yang harus diambil perhatian dalam sesebuah perniagaan ataupun sesebuah organisasi (Rouse, 2014).

Majikan dalam sesebuah organisasi hendaklah menitik beratkan mengenai produktiviti seseorang pekerja. Apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir keseluruhan organisasi pekerjaan dan institusi pendidikan ditutup untuk mengekang penularan virus Covid-19 ini. Merujuk Kumar P (2020), perintah kawalan pergerakan yang dilakukan telah memaksa banyak institusi pendidikan untuk membatalkan kelas, peperiksaan dan pelbagai lagi aktiviti dan memilih pembelajaran secara atas talian untuk meneruskan aktiviti pembelajaran. Warga pendidik menghadapi kekeliruan untuk menghadapi krisis ini. Namun, menyedari bahawa perintah kawalan pergerakan telah memberikan banyak pengajaran iaitu dimana warga pendidik seperti guru dan pensyarah memberikan tugas kerja kepada pelajar melalui internet dan menyampaikan kuliah melalui persidangan video langsung dengan menggunakan aplikasi seperti Zoom, Skype dan banyak lagi. Selain itu, menurut Geoff Spencer (2020), ia dapat melihat iaitu persekitaran sekolah dan Universiti semasa Covid-19 telah berubah iaitu dimana dari budaya pengajaran kepada budaya pembelajaran. Bukan itu sahaja, pendidik harus memikirkan cara yang berkesan untuk memastikan pelajar sentiasa mengikuti sesi pembelajaran walaupun ketika pandemik Covid-19. Justeru, kajian ini akan menganalisis sejauhmana BdR mempengaruhi produktiviti pensyarah ketika PKP COVID-19.

1.1 Permasalahan Kajian

Kesan pandemik Covid-19 terhadap dunia pekerjaan yang melibatkan akademik telah berubah secara tiba-tiba. Setelah wujudnya COVID-19 diseluruh dunia, wabak ini telah menyebabkan setiap universiti di seluruh dunia terpaksa ditutup dan telah mengakibatkan semua pelajar dan juga kakitangan Universiti seperti pensyarah harus

bekerja dari rumah atau Work From Home. Tempoh bekerja dari rumah yang tidak ditentukan telah mengakibatkan pekerja universiti terutama sekali pensyarah harus mengubah kaedah dan jadual kerja mereka secara dramatik. Perubahan yang berlaku secara drastik ini telah memberi kesan kepada produktiviti pendidik iaitu pensyarah sepanjang menjalankan aktiviti bekerja dari rumah (Safa'A, 2020), waktu bekerja yang sangat panjang dan menyebabkan keletihan, konflik keluarga dan juga masalah pekerjaan. Hal ini akan menimbulkan persoalan iaitu sejauh mana amalan bekerja akan mempengaruhi produktiviti pensyarah ataupun pendidik kerana apabila bekerja dari rumah akan wujud masalah atau isu yang menyebabkan berlakunya gangguan terhadap produktiviti seseorang pekerja hal ini kerana apabila BdR akan wujud masalah peribadi seperti konflik keluarga dan isu-isu pekerjaan yang wujud secara tiba-tiba ketika BdR (Venkatesh, 2020). Isu atau masalah yang wujud ini boleh dijadikan pengukur sejauh mana produktiviti seorang pensyarah ketika Bdr sama ada kekal positif atau memberi impak negatif.

Berdasarkan kajian oleh Ravin Singh *et al.* (2017) mendapati bahawa kebanyakan organisasi telah menawarkan pilihan bekerja dari rumah. Hal ini sangat penting untuk mempertimbangkan kesan positif dan kesan negatif ke atas prestasi syarikat dan juga cara kerjanya. Bukan itu sahaja, penelitian mengenai bekerja dari rumah ini harus dititik beratkan juga terhadap prestasi pekerja dan juga produktiviti untuk memastikan operasi bagi sesebuah organisasi dapat berjalan dengan lancar walaupun harus bekerja dari rumah. Hal ini membuatkan semua warga pendidik risau dan bimbang. Namun demikian, unit-unit pendidikan tetap berusaha untuk menangani dan mencari pilihan lain bagi menangani situasi yang mencabar ini. Keadaan ini telah membuatkan kita menyedari bahawa perancangan senario adalah keperluan yang mendesak institusi akademik (Rieley,2020). Akibat daripada ini, pendidikan telah berubah secara dramatis, iaitu dengan peningkatan e-pembelajaran atau *online learning* yang khas, iaitu dimana pengajaran dan pembelajaran telah dilakukan dari jarak jauh dan juga platform digital (Cathy Li, 2020). Jelaslah bahawa, pandemik Covid-19 ini adalah sungguh mencabar iaitu

dimana pendidik harus mencari idea-idea yang bernas dan juga berkesan untuk memastikan pelajar sentiasa berminat untuk mengikuti *online learning* yang dilakukan. Ini menuntut perubahan baru dalam dunia pendidikan. Perubahan cara kerja dan norma baru dalam proses PdP ini sememangnya mempengaruhi hubungan pekerjaan yang berlaku dalam sesebuah institusi pendidikan. Ini menimbulkan persoalan sejauhmana BdR dengan norma dan corak kerja baru boleh mempengaruhi dan memberi kesan ke atas sistem hubungan pekerjaan mahupun standard pekerjaan seseorang guru. Ini kerana, jika waktu persekolahan biasa lazim bermula pada awal pagi iaitu jam 7.30 pagi sehingga tengahari sahaja (Siti Nursyahidah, 2019) tidak termasuk aktiviti ko-kurikulum, namun adakah ketika PKP, waktu PdP mengambil waktu kerja yang lebih lama dengan mengambilkira persediaan membuat PdP atas talian yang semestinya memakan masa, menjadi persoalan.

Isu pandemik COVID-19 telah menyebabkan berlaku perubahan dalam sistem pendidikan yang menyebabkan sistem pendidikan beralih arah kepada sistem pendidikan secara dalam talian. Situasi sukar ini telah menyebabkan para pendidik termasuk pensyarah menggunakan platform e-pembelajaran untuk memberikan pendidikan kepada pelajar seperti penggunaan Google Meet, Zoom dan sebagainya (Dineshkumar, 2020). Perkara ini sangat seiring dengan kemajuan teknologi, iaitu dimana amalan bekerja dari rumah telah diaplikasikan dengan penggunaan seperti medium yang berasaskan internet. Walaupun dengan adanya kemudahan teknologi dan medium seperti Google Meet, Zoom dan sebagainya namun tidak semua kakitangan pensyarah yang mahir dalam IT dan perkara ini akan mempengaruhi produktiviti mereka seperti yang dinyatakan oleh (Dineshkumar, 2020) iaitu dimana pendidik mempunyai kekurangan pengetahuan dan kemahiran mengajar dalam talian. Ketidakhadiran dalam pengendalian teknologi akan menyebabkan tekanan dalam kalangan pendidik dan memberi impak yang negatif (Srivastava, 2020). Oleh hal yang demikian, wujudnya kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauhmana amalan bekerja dari rumah ini mempengaruhi tahap produktiviti pensyarah.

Akhir sekali, amalan bekerja dari rumah telah dilaksanakan adalah untuk mengurangkan penularan pandemik Covid-19. Oleh itu, kebanyakan pengurus atau majikan dalam sesebuah organisasi mengambil keputusan untuk melaksanakan amalan bekerja dari rumah untuk menjaga produktiviti pekerja. Bekerja dari rumah ini sangat sesuai untuk mengekalkan produktiviti bekerja kerana terdapat penurunan kos dan bukan itu sahaja pekerja tidak perlu untuk keluar dari rumah dan terkandas didalam kesesakan lalu lintas (De Vos. D et al., 2018). Maka, dengan amalan bekerja dari rumah ini sudah tentu tetap dapat meningkatkan produktiviti pekerja. Walaubagaimanapun, bekerja dari rumah dalam tempoh masa yang sangat panjang bukan sesuatu yang sangat mudah kepada pekerja khususnya mereka yang bekerja sebagai pendidik. Hal ini demikian kerana, pelbagai faktor yang perlu di ambil kira untuk memastikan produktiviti akan terus meningkat sepanjang mereka BdR. Pembahagian masa yang teratur perlu dilakukan dengan baik antara bebanan tugas di rumah dan juga tanggungjawab yang dipikul dalam melaksanakan PdP secara atas talian hal ini kerana jika mereka tidak dapat menyeimbangkan maka ia akan menyebabkan tekanan yang berlaku disebabkan oleh beban kerja dan juga konflik peribadi dan hal ini sekaligus akan mempengaruhi produktiviti seorang pendidik (Safa' A, 2020). Justeru itu, bagi mengatasi masalah sedemikian, adalah perlu untuk mengetahui sejauhmana tahap produktiviti golongan pendidik khususnya pensyarah sepanjang tempoh BdR dilaksanakan.

1.2 Persoalan Kajian

Pendidik merupakan individu yang sentiasa berusaha dan bertanggungjawab dalam memastikan pelajar mereka sentiasa dapat memahami perkara yang disampaikan mengenai sesuatu subjek yang diajarkan. Oleh itu, produktiviti seseorang pendidik hendaklah sentiasa berada dalam keadaan yang stabil atau konsisten dalam apa jua keadaan yang wujud lebih lagi ketika pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

Oleh hal yang demikian, kajian yang ditinjau dalam kajian ini ialah mengenai amalan bekerja dari rumah terhadap produktiviti pensyarah di Universiti Malaysia Sabah.

Terdapat beberapa persoalan yang timbul dalam kajian ini, antaranya ialah :

1. Bagaimanakah tahap produktiviti dalam kalangan pensyarah yang bekerja dari rumah di Universiti Malaysia Sabah ?
2. Bagaimanakah teknologi mempengaruhi produktiviti pensyarah di Universiti Malaysia Sabah semasa bekerja dari rumah ?

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan-persoalan yang timbul di dalam kajian ini. Berikut merupakan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam kajian ini :

1. Mengenalpasti tahap produktiviti dalam kalangan Pensyarah yang bekerja dari rumah di Universiti Malaysia Sabah
2. Mengkaji hubungan antara amalan bekerja dari rumah dengan penggunaan teknologi dan tahap produktiviti pensyarah di Universiti Malaysia Sabah.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini adalah mengkaji mengenai pengaruh amalan bekerja dari rumah terhadap produktiviti dalam kalangan pensyarah di Universiti Malaysia Sabah. Skop penyelidikan ini

menumpukan sejauh mana pengaruh amalan bekerja dari rumah dengan tahap produktiviti pensyarah di Universiti Malaysia Sabah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan terhadap pihak organisasi agar dapat menggunakan dapatan, kesimpulan dan cadangan dalam kajian ini untuk sentiasa memantau produktiviti pekerja ketika bekerja dari rumah. Bukan itu sahaja, kajian ini juga sangat penting agar golongan pensyarah di Universiti Malaysia Sabah sedar dan sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan keberkesanan dan menjayakan aktiviti bekerja dari rumah sekaligus sentiasa mengekalkan produktiviti mereka walaupun harus bekerja dari rumah. Tambahan pula, kajian ini juga mungkin akan memperlihatkan kelemahan-kelemahan aktiviti bekerja dari rumah ini apabila ia mula-mula diterapkan ketika berlakunya pandemik Covid-19. .

Kajian ini akan menjadi sangat berguna kepada organisasi atau pendidik pada masa akan datang kerana hasil kajian ini akan dapat mengenalpasti tahap produktiviti dalam kalangan pensyarah khususnya dan hubungannya antara amalan bekerja dari rumah terhadap penggunaan teknologi dan tahap produktiviti pensyarah. Hasil kajian ini sudah jelas dapat diguna pakai oleh pendidik seperti guru atau pensyarah untuk memantapkan lagi amalan bekerja dari rumah dan seterusnya memastikan tahap produktiviti dapat dikekalkan.

Seterusnya, maklumat-maklumat yang terdapat di dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai asas kepada penambahbaikan terhadap amalan bekerja dari rumah yang lebih strategik dan berkesan dan sekaligus dapat mendorong kepada peningkatan tahap produktiviti dan penggunaan teknologi dalam kalangan pensyarah atau pendidik. Akhir sekali, kajian ini juga sedikit sebanyak memberikan sedikit pendedahan mengenai

amalan bekerja dari rumah dan hubungannya dengan tahap produktiviti pensyarah dengan penggunaan teknologi ketika pandemik Covid-19.

1.6 Definisi Terma

1.6.1 Amalan Bekerja Dari Rumah

Menurut Sreeramana A (2015), bekerja dari rumah boleh didefinisikan sebagai individu yang bekerja dari rumah mereka ataupun lokasi lain pilihan mereka selain daripada kawasan kerja dengan pembayaran yang telah disediakan oleh majikan. Menurut Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) 1990, mendefinisikan bekerja dari rumah sebagai suatu bentuk pekerjaan iaitu dimana pekerjaan dilakukan dilokasi yang jauh dari pejabat utama atau kemudahan produksi, sehingga ia memisahkan pekerja dari hubungan peribadi dengan rakan sekerja didalam sesebuah organisasi.

Shareena P (2020) mendefinisikan bekerja dari rumah iaitu sebagai konsep dimana pekerja tidak perlu untuk berulang-alik ke tempat kerja utama. Hal ini demikian kerana, kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi menjadikan sesuatu kerja lebih mudah untuk diselesaikan jika bekerja diluar tempat kerja. Menurut perspektif Liaw G (2007) pula bekerja dari rumah atau secara maya ialah pekerja tidak perlu pergi secara fizikal ke ibu pejabat untuk bekerja, namun mereka hanya melakukan pekerjaan profesional mereka melalui sambungan internet dari rumah, atau tempat lain yang berbeza selain dari pejabat. Golden (2007) pula menjelaskan bahawa bekerja dari rumah merupakan satu bentuk kerja maya yang memerlukan seseorang individu atau pekerja untuk bekerja jauh dari pejabat dan berkomunikasi dengan menggunakan teknologi maklumat yang sedia ada tanpa perlu bersemuka. Hal ini dapat dilihat ketika pandemik Covid-19 masih berlaku, kebanyakan pensyarah atau pendidik memulakan aktiviti PdPR

dari rumah sahaja dengan menggunakan medium teknologi yang ada seperti penggunaan Google Meet, Zoom dan juga WhatsApp. Hal ini dapat dibuktikan iaitu menurut Safa'a et al (2020) pandemik Covid-19 telah memaksa kebanyakan pekerja akademik untuk bekerja dari rumah.


Seterusnya menurut Messenger J et al (2016) mendefinisikan bekerja dari rumah dalam pelbagai istilah selama empat dekad iaitu kerja jarak jauh, tempat kerja yang fleksibel, kerja rumah, telekomunikasi, dan juga e-kerja. Istilah-istilah ini adalah merujuk kepada kemampuan seseorang pekerja untuk bekerja dari rumah dengan menggunakan teknologi maklumat dan melaksanakan tugas kerja yang diberikan. Perkara ini dapat dikaitkan melalui kajian Rahul De et al (2020), iaitu pandemik Covid-19 telah menyebabkan lonjakan terhadap penggunaan teknologi digital yang tidak dapat dielakkan kerana norma baharu yang telah wujud. Akibat daripada itu institusi pendidikan telah beralih kepada bekerja dari rumah dan mewujudkan peningkatan terhadap digitalisasi. Akhir sekali, menurut Gajendran et al (2007) telah menggambarkan bekerja dari rumah sebagai sebuah pengaturan kerja alternatif iaitu dimana pekerja melakukan tugas di tempat lain yang biasanya dilakukan di tempat kerja utama atau pusat.

1.6.2 Produktiviti

Menurut Stefan T (2002), produktiviti secara umumnya telah ditakrifkan sebagai hubungan antara output dan input. Produktiviti juga merupakan salah satu pemboleh ubah asas yang telah mengatur aktiviti pengeluaran ekonomi yang paling penting. Dalam perspektif H Singh et al (2002) menyatakan produktiviti sebagai salah satu faktor terpenting yang mempengaruhi daya saing sesebuah syarikat. Manakala Paul K (1994), produktiviti biasanya akan ditakrifkan sebagai satu nisbah kelantangan output dan juga jumlah input. Secara amnya, produktiviti dapat mengukut kecekapan input pengeluaran, seperti buruh dan modal yang digunakan dalam ekonomi untuk menghasilkan tahap output yang diberikan.

1.7 Susunan Tesis

Kajian ini dimulakan dengan Bab 1 yang memberikan serba sedikit pengenalan serta gambaran berkaitan keseluruhan kajian yang dijalankan. Bab 2 kajian ini mengandungi sorotan-sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini, bab 2 juga akan menjelaskan mengenai konsep-konsep serta teori yang menjadi asas kepada kajian ini. Bab 3 kajian pula akan menunjukkan turutan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian dan hasil analisis kajian pula akan dijelaskan di dalam bab 4 dan bab terakhir pula akan terdiri daripada perbincangan-perbincangan berkaitan dengan hasil dapatan kajian serta merumuskan keseluruhan kajian dengan memberikan cadangan untuk kajian yang akan datang.



Rajah 1 : Susunan Tesis

RUJUKAN

Ajay K dan Jan Van De R. (2015). The Benefits nad Pitfalls of Employees Working From Home: Study of A Private Company In South Africa. *Corporate Board: Role, Duties & Composition* / Vol 11.

Abdul Rashid. (2020). Wabak Covid-19 Penyesuaian Kendiri Terhadap Norma Baharu. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM. Dipetik dari <https://fkp.usim.edu.my/wabak-covid-19-penyesuaian-kendiri-terhadap-norma-baharu/> . Diakses pada 12 Disember 2020.

Abdullah,A dan Khaled, S. (2020). Improving Remote Employees' Organisational Productivity - Practical Guidelines for Identifying and Managing Bottlenecks in Today's World. *Journal of Business and Management*. 63-64

Agus Purwonto et al. (2020). Impact of Work From Home (WFH) on Indonesian Teachers Performance During the Covid-19 Pandemic: An Exploratory Study. *International Journal of Advanced Science and Technology*. 6236-6234

Amabile, T., & Kramer, S. (2013). Working From Home: A Work in Progress. *Harvard Bussiness Review*.

Amanina AR, Alyssa Farha, J., & Achim S.(2020). The Vulnerability of Jobs to Covid-19 : The Case of Malaysia. Yusof Ishak Institute. 1-1

Ambikapathy M & Asiah Ali. (2020). Impact and Challenges Towards Employees Work From Home During Covid-19 (MCO) Period. *International Journal of Social Sciences Research (IJSSR)*. Vol 2, 98

- Baker, E., G. C. Avery, and Crawford, J. (2007). Satisfaction and Perceived by Professionals and Management. *New Technology, Work and Employment*. 15(1), 34-49.
- Beatriz, G et al. (2011). Video As A New Teaching Tool To Increase Student Motivation. *University Politecnica de Catalunya*.
- Bloom, N et al. (2020). The Impact of Covid-19 On Productivity. *NBER Working Paper Series*. 5-10
- Dineshkumar, S. (2020). Global Impact of E-Learning During COVID-19. *Department of Information Technology*. 6-9
- Dockery, M., & Bawa, S. Working from Home In The Covid-19 Lockdown. Bankwest Curtin Economics Centre Research Brief Covid-19. 1
- Duta, . Et al. (2020). Working From Home Phenomenon As An Effort To Prevent Covid-19 Attacks and Its Impacts On Work Productivity. *Fiscaoeconomia*, 4, 483-497
- Eileen, W. Et al., (2021). Teacher's Use of Technology and The Impact of Covid-19. *Irish Educational Studies*. 1-5
- Etheridge., Y. W., dan Tang L. (2020). Worker Productivity During Lockdown and Working from Home: Evidence from Self-Reports. *Institute For Social and Economic Research*. 1-5
- Edeh., M et al. (2020). Impact of Coronavirus Pandemic on Education. *Journal of Educational and Practices*.11-113

Faizal Amin, et al. (2017). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi Pengajar TVET Terhadap Pengajaran dan Teknikal Berdasarkan Pendekatan Model RASCH. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM*. 4-5

Fatime, B. K. (2007). Science, Technology and Literacy. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. 2-3

Gajendran, R. S dan Harrison, D. A. (2006). The Good, The Bad and The Unknown About Telecommutin: Meta-Analysis of Individual Consequences and Mechanism pf Distributed Work: Academy of Management Best Conference, Held In USA. *Pennsylvania*. 2-3

Golden, T. D. (2007). Co-Workers Who Telework and The Impact On Those In The Office: Understanding The Implications of Virtual Work For Co-Worker Satisfaction and Turnover Intentions. *Humans Relations*. 60: 1641-1667

Indra, U. (2017). The Effect of Lecture Competence on Work Productivity of Private Higher Education Lecturer in Aceg. *Advance in Social Sciences, Education and Humanities Research*, Vol 104. 94-95

International Labour Organization. 2020. Teleworking During The Covid-19 Pandemic and Beyond A Practical Guide. *Geneva: International Labour Office*. 12-16

Ipsen., C. Dan Kathrin., K. (2020). Experiences of Working From Home in Times of COVID-19 International Survey Conducted The First Months of The National Lockdowns. *DTU Management, Technical University of Denmark*. 12-19

- Iqra Hafees et al (2019). Impact Of Workplace Environment on Employee Performance: Mediating Role of Employee Health. *Business, Management and Education*. 173-176
- Jalal,H. (2016). Improving Employee Productivity Through Work Engagement: Evidence From Higher Education Sector. *Management Science Letters*. 62-64
- Janhvi., S. Dan Akanksha, S. (2020), Paradigm Shifting from Classroom Education to Online Classes During Covid1- Pandemic. *International Journal in Management and Social Science*. 4-8
- Jenny G., Shiji, Z., & Paul, G., 2015. On Productivity: Concepts and Measurements. Commonwealth of Australia. 1
- Kazi., T., dan Md Zahir, U. F. (2020). Working from Home During The COVID_19 Pandemic: Satisfaction, Challenges, and Productivity of Employees. *International Journal of Trade and Commerce*. 283-284
- La Shun, dan Caroll, L. (2017). A Comprehensive Definition of Technology From An Ethological Perspective. 3-8
- Liaw, G., Liang, S. & Wang, Y. (2007). Relationship Between Critical Factors Associated With Virtual Work and Virtual Worker's Organization Identification. *Fu Jen Management Review*. 105-136
- Lazar, S. (2015). The Importance of Educational Technology In Teaching. *International Journal of Cognitive Research in Sciences, Engineering and Education*, Vol 3. 11-112
- Lina, v. & Nantapong, b. (2021). The Impact of Working From Home During Covid-19 on Work and Life Domains: An Exploratory Study on Hong Kong. *Department of Asian and*

Policy Studies, The Education University of Hong Kong. 60-64

Louise, S. Miri, S., Sarah, P., dan Merce G., c. (2021). Special Issue: Covid-19 and The Role of Technology and Pedagogy on School Education During A Pandemic. *Technology, Pedagogy and Education.* 2-5

Luigi, A., et al. (2016). Understanding the Internet of Things: Definition, Potentials, and Societal Role Of A Fast Evolving Paradigm. *Ad Hoc Networks, Elsevier.* 1-5

Lupu, VL. (2017). Teleworking and Its Benefits on Work-Life Balance. *International Multidisciplinary Scientific Conference on Social Sciences & Arts (SGEM).* 693.

Masayuki., M. (2020). Productivity of Working From Home During The COVID-19 Pandemic: Evidence From an Employee Survey.

Mateyka, Rapino dan Lavindar. (2012). Relationship Between Telecommuting Workers and Their Managers: An Exploratory Study. *Journal of Business Communication.* 34(4), 343-369

Michael, G. Froederike, M. Dan Christoph, S. (2021). Work From Home and Productivity: Evidence from Personnel and Analytics Data on iT Professionals. *University Ave, Chicago.* 13-18

Moore, M. G. (1991). Editorial: Distance Education Theory. *The American Journal of Distance Education.* 1-6

Nazan, D., (2011). The Use of The Internet For Educational Purposes. *Social and Behavioral Sciences.* 606-608

- Ndubisi, N. O., & Kahraman, C. (2005). Teleworking Adoption Decision-Making Process: Multinational and Malaysian Firms' Comparison. *The Journal of Enterprise Information Management*. 150-168
- Nurul Adilah S., et al. (2013). Working from Home (WFH): Is Malaysia Ready for a Digital Society. *Entrepreneurship Visison*. 982.
- Nurul Nadia, Maizatul F., & Ruzanna Ab. (2016). Understanding The Work At Home Concept, Its Benefits And Challenges Towards Employees. *e-Proceeding of The Social Sciences Research*. 109
- Onhyemachi, U dan Emmanuel, U. (2018). Impact of Telecommuting on Employees' Performance. *Journal of Economics and Management Sciences*. 55-57
- Oscar, A. R. Dan Daniel., C. V. (2021). Working Homebound and Its Effects on Performance and Work Productivity During Times of Covid-19. *International Journal of Innovation Scientific Research and Review*. 1208-1212
- Paul, G. (2016). The Perceived Influence on Organization Productivity: A Perspective Of A Public Entity. *Cape Peninsula University of Technology*. 339-341
- Paul, K. (1994). Defining and Measuring Productivity. *The Age of Diminishing Expectations*. 2
- Peter, O et al. (2012). Developing The Organization's Productivity Strategy In Various Sectors of Industry. *International Journal of Productivity and Performance Management*. 94-97
- Pooja Y & Sachin M., (2015). The Concept of Productivity. *International Journal of*

Engineering and Technical Research (IJETR). Vol-3, 192

Radovan Antonijevic. (2018). Usage Internet In The Process of Education. *University of Belgrade, Faculty of Philosophy*. 38-39

Rahul, D., et al. (2020). Impact of Digital Surge During COVID-19 Pandemic: A Viewpoint on Research and Practice. *International Journal of Information Management*. 2-5

Raisiene, A. G., Rapuano, V., Varkuleviciute, K., dan Stachova, K. (2020). Working From Home- Who is Happy? A Survey of Lithuania's Employees During The Covid-19Quarantine Period. *Sustainability (Switzerland)*. 12-13

Raja, R., dan Nagasubramani, P. C. (2018). Impact of Modern Technology in Education. *Journal of Applied and Advanced Research*. 33-34

Ravin Singh et al. (2017). Impact of Working FRemotely On Productivity and Professionalism. *Journal of Business and Management*. 8-9

Richardson, B., & Writer, M. C. (2017). The Pros and Cons of Working From Home. Retrieved from <https://www.monster.com/career-advice/article/pros-cons-of-working-from-home>

Reshna, P., S. Aithal, Shailashree, V.T dan Sridhar, A. 2015. An Empirical Study on Working From Home : A Popular E-Business Model. *International Journal of Advance and Innovative Research*. Vol 2, 12

Rudolph, Cort, w., Blake Allan, Malissa, C., guido, H., Andreas, H., Florian, K., Kristen, S., et al. (2020). Pandemics: Implications for Research and Practices in Industrial nad

Organizational Psychology. *Industrial and Organizational Psychology: Perspectives on Sciences and Practices*. 8-9

Safa'A dan Jane, F. (2020). How Working From Home During Covid-19 Affects Academic Productivity (Accepted Manuscript). *Communication of The Association for Information Systems*. 2-5

Siti Nursyahidah Abu Bakar. (2019). Kementerian Tidak Akan Percepatkan Jadual Persekolahan. *Sinar Harian*. Dipetik dari <https://www.sinarharian.com.my/article/40459/BERITA/Nasional/Kementerian-tidak-akan-percepatkan-jadual-persekolahan-Mazslee>. Diakses pada 11 November 2020

Scott, S. Philip, J. B., Mellisa, A.M., and Alex. B. (2021). Work-Life Conflict During The Covid-19 Pandemic. *Sociological Research for A Dynamic World*. 3-4.

Shareena P & Mahamad S. Work From Home During COVID-19 : Employee Perception and Experiences. *Global Journal For Reseach Analysis*. 4-7

Sreeramana, A. (2015). An Empirical Study On Working From Home: A Popular e-Business Model. *International Journal of Advance and Innovative Research*. 13-16

Stefan, T. (2002). Understanding The Concept of Productivity. *Asia Pacific Industrial Engineering and Management System Conference*, 1-2.

Thorstensson E. (2020). The Influence of Working From Home on Employees' Produktivity. *Karlstad Business School*. 3-5

Venkatesh,V. (2020). Impacts of COVID-19: A Research Agenda To Support People In Their Fight. *International Journal of Information Management*. 102197.

Vroom, v. H. (1964). *Work and Motivation. New Work: Wiley.* 2-3

Warren, A., Brunner, D., Mair p., dan Barnet, L. (1998). *Technology in Teaching and Learning: An Introductory Guide. London.*

Wayne, f. C. (2000). *Managing a Virtual Workplace. Academy of Management Executive, Vol 14.* 82-85

Wienclaw, RA. (2018). *Telecommuting. Salem Press Encyclopedia.* 3-5

Zahir Osman. Et al. (2020). *Determinants of Work-From-Home Productivity Among Higher Education Institution Employees During The Covid-19 Pandemic in Malaysia. ASEAN Journal of Open and Distance Learning.* 2-3

Zamirah Hyseni dan Linda Hoxha. (2020). *The Impact of COVID-19 on Education and The Well-Being of Teachers, Parents, and Students: Challenges Related To Remote (Online) Learning and Opportunities For Avancing The Quality of Education. Faculty of Philosophy, Department of Philosophy.* 2-5